



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**  
**ISNIN 19 JULAI 2021**


BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PPN: MAFI KELUARKAN LEBIH 100,000 KEBENARAN BERGERAK JAMIN BEKALAN MAKANAN, UTUSAN BORNEO -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	100,000 SURAT KEBENARAN BERGERAK PETANI, PENTERNAK, NELAYAN, SH -ONLINE	
3.	100,000 SURAT KEBENARAN BERGERAK PETANI, PENTERNAK, NELAYAN, BH -ONLINE	
4.	PPN: MAFI KELUARKAN LEBIH 100,000 KEBENARAN BERGERAK JAMIN BEKALAN MAKANAN, ASTRO AWANI -ONLINE	
5.	100,000 SURAT KEBENARAN DIKELUARKAN, NASIONAL, SH -20	
6.	100,000 SURAT KEBENARAN BERGERAK, NASIONAL, SH -20	
7.	10 TAN MAKANAN TAMBAHAN HAIWAN DIRAMPAS, NASIONAL, SH -14	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
8.	PERMINTAAN KAMBING, LEMBU KORBAN TERJEJAS, LOKAL, HM -21	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
9.	MAFI SERIUS KEKANG LSD, SH -ONLINE	
10.	PENYAKIT LSD - MAFI JAMIN BEKALAN LEMBU SELAMAT, BERITA RTM -ONLINE	
11.	MAFI AMBIL LANGKAH ELAK TERNAKAN DJANGKITI LSD, HARAKAH DAILY -ONLINE	
12.	MAFI WASPADA TANGANI JANGKITAN LSD KE ATAS LEMBU TEMPATAN – CHE ABDULLAH, BERNAMA -ONLINE	
13.	BEKALAN LEMBU CUKUP UNTUK IBADAH KORBAN WALAUPUN TIADA IMPORT DARI THAILAND, BERNAMA -ONLINE	
14.	BANGKAI PENYU AGAR DITEMUKAN DI KUALA ABANG, DALAM NEGERI, UM -28	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
15.	BANGKAI PENYU DITEMUI DI PANTAI KUALA ABANG, NEGERI TERENGGANU, SH -35	
16.	NEKAD TERJUN LAUT ELAK DITAHAN, NEGERI TERENGGANU, SH -35	
17.	RM195 JUTA HASIL LAUT DIRAMPAS KETIKA PANDEMIK, DALAM NEGERI, UM -1	
18.	TERJUN LAUT ELAK DITAHAN, LOKAL, HM -24	
19.	RM195 JUTA HASIL LAUT DIRAMPAS DALAM TEMPOH PANDEMIK, DALAM NEGERI, UM -4	
20.	RENTAL WAIVER FOR TRADERS AT FARMER'S MARKETS - FAMA, BERNAMA -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
21.	FAMA KECUALIKAN SEWA TAPAK PASAR TANI, BERNAMA -ONLINE	
22.	FAMA KECUALIKAN SEWA TAPAK PASAR TANI, SH -ONLINE	
23.	PASAR NELAYAN KAMPUNG PASIR PUTIH DINAIKTARAF SEBAGAI 'ONE STOP CENTRE' LAKSANA AKTIVITI PEMASARAN IKAN, SABAH MEDIA -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
24.	MAFI SUMBANG 400 BAKUL MAKANAN KEPADA PESAWAH, NEGERI MELAKA, SH -36	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
25.	PPN: MAFI KELUARKAN LEBIH 100,000 KEBENARAN BERGERAK JAMIN BEKALAN MAKANAN, BERNAMA -ONLINE	LAIN-LAIN
26.	JUAL SAYUR DARI KEDAI KE KEDAI, NEGARA, KOSMO -14	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/7/2021	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

## PPN: MAFI keluarkan lebih 100,000 kebenaran bergerak jamin bekalan makanan



PUTATAN: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengeluarkan lebih 100,000 surat kebenaran bergerak kepada nelayan, petani dan penternak sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Kawalan Pergerakan di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Menterinya Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (*gambar*) berkata langkah itu bagi menjamin bekalan makanan negara sentiasa mencukupi untuk rakyat, dan individu yang diberikan kebenaran di seluruh negara itu perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan bagi mengekang penularan COVID-19.

"Mereka yang diberi kebenaran ini, kita kategorikan sebagai sektor informal yang diberi kebenaran kepada MAFI untuk pengesahan pergerakan. Ini berbeza dengan sektor industri agromakanan yang (surat kebenaran) dikeluarkan oleh MITI (Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri).

"Sektor industri itu MITI, sektor informal bagi individu terlibat sebagai nelayan, petani dan penternak itu dikeluarkan oleh MAFI. Ini penting bagi memastikan bekalan makanan kita tidak terganggu sepanjang pandemik dan kawalan pergerakan," katanya kepada pemberita hari ini.

Terdahulu beliau melakukan tinjauan mesra di Pasar Nelayan Kampung Pasir Putih di sini dan menyampaikan bantuan bakul makanan kepada 100 nelayan di kawasan itu yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Terletak kira-kira 12 km dari Kota Kinabalu di pantai barat Sabah, Pasar Nelayan Kampung Pasir Putih mula beroperasi pada 2013 dan merupakan antara pasar nelayan yang aktif di Sabah dengan 20 hingga 35 bot nelayan mendaratkan serta menjual terus hasil tangkapan mereka.

Ronald turut mengumumkan peruntukan RM450,000 untuk menaik taraf pasar itu yang dicadang sebagai pusat sehenti bagi pemasaran ikan, pendaratan dan agropelancongan kerana lokasinya yang strategik dan berpotensi dimajukan bagi manfaat nelayan dan masyarakat setempat.

Sementara itu, dalam kenyataan sempena program itu, beliau berkata bekalan ikan mencukupi dan stabil bagi memenuhi keperluan negara dengan purata bulanan bekalan ikan untuk tahun ini dijangka kekal stabil pada 169,000 tan metrik berbanding dengan keperluan sebanyak 125,000 tan metrik sebulan.

Katanya sektor perikanan adalah antara sektor penting yang dibenarkan beroperasi tertakluk kepada pematuhan SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi menjamin kelangsungan rantaian perikanan serta pengusaha yang terlibat.

"Sebarang sekatan terhadap pengoperasian sektor perikanan boleh menyebabkan sekuriti makanan negara terjejas sekali gus meningkatkan kebergantungan import, keadaan ini akan menjejaskan sumber ekonomi nelayan tempatan dan keseluruhan rantaian perikanan," katanya.

Dalam pada itu, katanya pendaratan ikan seluruh Sabah untuk enam bulan pertama tahun ini adalah 107,000 tan metrik dengan nilai RM643 juta, manakala untuk tempoh sama Pasar Nelayan Kampung Pasir Putih merekodkan pendaratan hasil sebanyak 7,000 tan metrik dengan nilai RM35,000. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/7/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## 100,000 surat kebenaran bergerak petani, penternak, nelayan



Dr Ronald melaksanakan tinjauan mesra di Pasar Nelayan Kampung Pasir Putih di sini dan menyampaikan bantuan bakul makanan kepada 100 nelayan. Foto Bernama

PUTATAN - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengeluarkan lebih 100,000 surat kebenaran bergerak kepada nelayan, petani dan penternak sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Kawalan Pergerakan di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, langkah itu bagi menjamin bekalan makanan negara sentiasa mencukupi untuk rakyat dan individu yang diberikan kebenaran di seluruh negara itu perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan bagi mengekang penularan Covid-19.

"Mereka yang diberi kebenaran ini, kita kategorikan sebagai sektor informal yang diberi kebenaran kepada MAFI untuk pengesahan pergerakan. Ini berbeza dengan sektor industri agromakanan yang (surat kebenaran) dikeluarkan oleh MITI (Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri).

"Sektor industri itu MITI, sektor informal bagi individu terlibat sebagai nelayan, petani dan penternak itu dikeluarkan oleh MAFI. Ini penting bagi memastikan bekalan makanan kita tidak terganggu sepanjang pandemik dan kawalan pergerakan," katanya kepada pemberita pada Ahad.

Beliau sebelum itu melakukan tinjauan mesra di Pasar Nelayan Kampung Pasir Putih di sini dan menyampaikan bantuan bakul makanan kepada 100 nelayan di kawasan itu yang terkesan akibat pandemik Covid-19.

Terletak kira-kira 12 km dari Kota Kinabalu di pantai barat Sabah, Pasar Nelayan Kampung Pasir Putih mula beroperasi pada tahun 2013 dan merupakan antara pasar nelayan yang aktif di Sabah dengan 20 hingga 35 bot nelayan mendaratkan serta menjual terus hasil tangkapan mereka.

Ronald turut mengumumkan peruntukan RM450,000 untuk menaik taraf pasar itu yang dicadang sebagai pusat sehenti bagi pemasaran ikan, pendaratan dan agropelancongan kerana lokasinya yang strategik dan berpotensi dimajukan bagi manfaat nelayan dan masyarakat setempat.

Sementara itu, dalam kenyataan sempena program itu, beliau berkata, bekalan ikan mencukupi dan stabil bagi memenuhi keperluan negara dengan purata bulanan bekalan ikan untuk tahun ini dijangka kekal stabil pada 169,000 tan metrik berbanding dengan keperluan sebanyak 125,000 tan metrik sebulan.

Katanya, sektor perikanan adalah antara sektor penting yang dibenarkan beroperasi tertakluk kepada pematuhan SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi menjamin kelangsungan rantaian perikanan serta pengusaha yang terlibat.

**“Sebarang sekatan terhadap pengoperasian sektor perikanan boleh menyebabkan sekuriti makanan negara terjejas sekali gus meningkatkan kebergantungan import, keadaan ini akan menjejaskan sumber ekonomi nelayan tempatan dan keseluruhan rantaian perikanan,” katanya.**

**Dalam pada itu, katanya, pendaratan ikan seluruh Sabah untuk enam bulan pertama tahun ini adalah 107,000 tan metrik dengan nilai RM643 juta, manakala untuk tempoh sama Pasar Nelayan Kampung Pasir Putih merekodkan pendaratan hasil sebanyak 7,000 tan metrik dengan nilai RM35,000. - Bernama**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/7/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

## 100,000 surat kebenaran bergerak petani, penternak, nelayan



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (tengah) meninjau jeti nelayan Kampung Pasir Putih, di Putatan, hari ini. - Foto NSTP/Mohd Adam Arinin

PUTATAN: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan mengeluarkan lebih 100,000 surat kebenaran bergerak kepada petani, penternak dan nelayan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan kawalan pergerakan di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN)

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata kebenaran itu adalah untuk memastikan pengeluaran makanan daripada hasil perikanan, penternakan dan pertanian sepanjang tempoh PKP tidak terjejas.

Katanya, surat yang dikeluarkan kementeriannya tertumpu kepada aktiviti pengeluaran makanan bukan formal, manakala surat kebenaran bagi aktiviti berkaitan industri agro makanan dikeluarkan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

"Jumlah itu merangkumi semua sektor pengeluaran makanan yang membabitkan golongan nelayan, petani dan penternak, iaitu sektor agro makanan bukan formal," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas meninjau jeti nelayan Kampung Pasir Putih dan menyerahkan bakul makanan untuk 100 ahli Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kota Kinabalu, di sini, hari ini.

Ronald berkata pengeluaran surat kebenaran itu perlu kerana sektor agro makanan diletakkan sebagai perkhidmatan perlu, termasuk yang dikendalikan golongan nelayan, petani dan penternak.

Bagaimanapun, katanya operasi masih tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP) ketat yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi mengekang penularan COVID-19.

Sementara itu, mengenai pengeluaran hasil perikanan, Ronald yang juga Ahli Parlimen Beluran, berkata walaupun sektor itu berdepan pelbagai cabaran, bekalan ikan dalam negara masih mencukupi dan stabil.

"Bekalan ikan bagi tahun ini di seluruh negara dijangka kekal stabil dengan purata 169,000 tan sebulan berbanding keperluan negara 125,000 tan," katanya.

Katanya, di Sabah sahaja pendaratan ikan dari Januari hingga Jun lalu mencecah 107,000 tan dengan nilai RM643 juta.

Dalam pada itu, beliau berkata kerajaan memperuntukkan RM4.32 juta melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Sabah tahun ini untuk melaksanakan program membaik pulih rumah di bawah Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN), menaik taraf pasar nelayan, membina pusat pengumpulan dan pengedaran ikan serta membina dan membaik pulih jeti nelayan.

Selain itu, katanya kerajaan turut memperuntukkan RM2.18 juta untuk Dana Khas Persatuan Nelayan Negeri (PNN) dan Dana Khas Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) melalui inisiatif Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN).

Mengenai pembangunan kemudahan nelayan di Putatan, beliau mengumumkan peruntukan RM450,000 melalui LKIM untuk menaik taraf Pasar Nelayan Kampung Pasir Putih yang dicadang dijadikan pusat sehenti aktiviti pemasaran ikan, pendaratan dan agro pelancongan.

Pasar berkenaan yang mula beroperasi pada 2013 adalah antara pasar nelayan yang aktif di Sabah dengan 20 hingga 35 bot nelayan menjadikannya pangkalan untuk mendaratkan hasil tangkapan dan menjual terus kepada orang ramai.

Sepanjang enam bulan pertama tahun ini, pasar itu merekodkan kira-kira 7,000 tan hasil tangkapan bernilai kira-kira RM35,000.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/7/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

## PPN: MAFI keluarkan lebih 100,000 kebenaran bergerak jamin bekalan makanan



*Ronald berkata langkah itu bagi menjamin bekalan makanan negara sentiasa mencukupi untuk rakyat, dan individu yang diberikan kebenaran di seluruh negara itu perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) - Gambar fail*

**PUTATAN:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengeluarkan lebih 100,000 surat kebenaran bergerak kepada nelayan, petani dan penternak sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Kawalan Pergerakan di bawah

Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Menterinya Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata langkah itu bagi menjamin bekalan makanan negara sentiasa mencukupi untuk rakyat, dan individu yang diberikan kebenaran di seluruh negara itu perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan bagi mengekang penularan COVID-19.

"Mereka yang diberi kebenaran ini, kita kategorikan sebagai sektor informal yang diberi kebenaran kepada MAFI untuk pengesahan pergerakan. Ini berbeza dengan sektor industri agromakanan yang (surat kebenaran) dikeluarkan oleh MITI (Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri).

"Sektor industri itu MITI, sektor informal bagi individu terlibat sebagai nelayan, petani dan penternak itu dikeluarkan oleh MAFI. Ini penting bagi memastikan bekalan makanan kita tidak terganggu sepanjang pandemik dan kawalan pergerakan," katanya kepada pemberita hari ini.

Terdahulu beliau melakukan tinjauan mesra di Pasar Nelayan Kampung Pasir Putih di sini dan menyampaikan bantuan bakul makanan kepada 100 nelayan di kawasan itu yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Terletak kira-kira 12 km dari Kota Kinabalu di pantai barat Sabah, Pasar Nelayan Kampung Pasir Putih mula beroperasi pada 2013 dan merupakan antara pasar nelayan yang aktif di Sabah dengan 20 hingga 35 bot nelayan mendaratkan serta menjual terus hasil tangkapan mereka.

Ronald turut mengumumkan peruntukan RM450,000 untuk menaik taraf pasar itu yang dicadang sebagai pusat sehenti bagi pemasaran ikan, pendaratan dan agropelancongan kerana lokasinya yang strategik dan berpotensi dimajukan bagi manfaat nelayan dan masyarakat setempat.

Sementara itu, dalam kenyataan sempena program itu, beliau berkata bekalan ikan mencukupi dan stabil bagi memenuhi keperluan negara dengan purata bulanan bekalan ikan untuk tahun ini dijangka kekal stabil pada 169,000 tan metrik berbanding dengan keperluan sebanyak 125,000 tan metrik sebulan.

Katanya sektor perikanan adalah antara sektor penting yang dibenarkan beroperasi tertakluk kepada pematuhan SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi menjamin kelangsungan rantaian perikanan serta pengusaha yang terlibat.



"Sebarang sekatan terhadap pengoperasian sektor perikanan boleh menyebabkan sekuriti makanan negara terjejas sekali gus meningkatkan kebergantungan import, keadaan ini akan menjejaskan sumber ekonomi nelayan tempatan dan keseluruhan rantaian perikanan," katanya.

Dalam pada itu, katanya pendaratan ikan seluruh Sabah untuk enam bulan pertama tahun ini adalah 107,000 tan metrik dengan nilai RM643 juta, manakala untuk tempoh sama Pasar Nelayan Kampung Pasir Putih merekodkan pendaratan hasil sebanyak 7,000 tan metrik dengan nilai RM35,000.

-- BERNAMA

# 100,000 surat kebenaran dikeluarkan

**Putatan:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan mengeluarkan lebih 100,000 surat kebenaran bergerak kepada petani, penternak dan nelayan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan kawalan pergerakan di bawah Pelan Pemulihan Negara.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Khandee, berkata kebenaran itu adalah untuk memastikan pengeluaran makanan daripada hasil perikanan, penternakan dan pertanian sepanjang tempoh PKP tidak terjejas.

Katanya, surat yang dikeluarkan kementerian itu tertumpu kepada aktiviti pengeluaran makanan bukan formal, manakala surat kebenaran bagi aktiviti berkaitan industri agro makanan dikeluarkan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

“Jumlah itu merangkumi semua sektor pengeluaran makanan yang melibatkan golongan nelayan, petani dan penternak, iaitu sektor agro makanan bukan formal,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika pemberita selepas meninjau jeti nelayan Kampung Pasir Putih dan menyerahkan bakul makanan untuk 100 ahli Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kota Kinabalu, di sini, semalam.

Ronald berkata, pengeluaran surat kebenaran berkenaan perlu kerana sektor agro makanan diletakkan sebagai perkhidmatan perlu, termasuk yang dikendalikan golongan nelayan, pentani dan penternak.

Bagaimanapun, katanya operasi masih tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP) ketat yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi mengekang penularan COVID-19.

Sementara itu, mengenai pengeluaran hasil perikanan, Ronald yang juga Ahli Parlimen Beluran berkata, walaupun sektor itu berdepan pelbagai cabaran,

bekalan ikan dalam negara masih mencukupi dan stabil.

“Bekalan ikan bagi tahun ini di seluruh negara dijangka kekal stabil dengan purata 169,000 tan sebulan berbanding keperluan negara, iaitu 125,000 tan,” katanya.

Katanya, di Sabah sahaja pendaratan ikan dari Januari hingga Jun lalu mencecah 107,000 tan dengan nilai RM643 juta.

Dalam pada itu, beliau berkata, kerajaan juga memperuntukkan RM4.32 juta melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Sabah tahun ini untuk melaksanakan program membaik pulih rumah di bawah Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN),

menaik taraf pasar nelayan, membina pusat pengumpulan dan pengedaran ikan serta membina dan membaik pulih jeti nelayan.

Selain itu, katanya, kerajaan turut memperuntukkan sebanyak RM2.18 juta untuk Dana Khas Persatuan Nelayan Negeri (PNN) dan Dana Khas PNK melalui inisiatif Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN).

Mengenai pembangunan kemudahan nelayan di Putatan, beliau mengemukakan peruntukan sebanyak RM450,000 melalui LKIM untuk menaik taraf Pasar Nelayan Kampung Pasir Putih yang dicadang dijadikan pusat sehenti aktiviti pemasaran ikan, pendaratan dan agro pelancangan.

Pasar berkenaan yang mula beroperasi pada 2013 adalah antara pasar nelayan yang aktif di Sabah dengan 20 hingga 35 bot nelayan menjadikannya pangkalan untuk mendaratkan hasil tangkapan dan menjual terus kepada orang ramai.

Sepanjang enam bulan pertamanya tahun ini, pasar itu merekodkan kira-kira 7,000 tan hasil tangkapan bernilai kira-kira RM35,000.



Ronald Khandee



# 100,000 surat kebenaran bergerak

Khusus untuk golongan nelayan, petani dan penternak sepanjang PKP

## PUTATAN

**K**ementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengeluarkan lebih 100,000 surat kebenaran bergerak kepada nelayan, petani dan penternak sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di bawah Pelan Pemulihan Negara.

Menternya, Datuk Seri Dr Ronald Kiang berkata, langkah itu bagi menjamin bekalan makanan negara sentiasa mencukupi untuk rakyat, dan individu yang diberikan kebenaran di seluruh negara itu perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan bagi mengang penularan Covid-19.

“Mereka yang diberi kebenaran ini kita kategorikan sebagai sektor informal yang diberi kebenaran kepada MAFI untuk pengesahan pergerakan.

“Ia berbeza dengan sektor industri agromakanan yang (surat kebenaran) dikeluarkan oleh MITI (Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri).

“Sektor industri itu di bawah MITI, sektor informal bagi individu terlibat sebagai nelayan, petani dan penternak dikeluarkan oleh MAFI. Ia penting bagi memastikan bekalan makanan tidak terganggu sepanjang pandemik dan kawalan pergerakan,” katanya kepada pemberita pada Ahad.

Beliau sebelum itu melakukan tinjauan mesra di Pasar Nelayan Kampung Pasir Putih di sini dan menyampaikan bantuan bakul makanan kepada 100 nelayan di kawasan berkenaan yang terkesan akibat pandemik Covid-19.

Ronald turut mengumumkan



Ronald (tempat dari kanan) menyampaikan bantuan bakul makanan kepada 100 nelayan di Pasar Nelayan Kampung Pasir Putih yang terkesan akibat pandemik Covid-19 pada Ahad.

peruntukan RM450,000 bagi menaik taraf pasar berkenaan yang dicadang sebagai pusat berhenti bagi pemasaran ikan, peredaran dan agropelancongan kerana lokasinya strategik serta berpotensi dimajukan untuk manfaat nelayan dan masyarakat setempat.

Sementara itu, dalam kenyataan sempena program tersebut, Ronald berkata, bekalan ikan mencukupi dan stabil bagi

memenuhi keperluan negara dengan purata bulanan bekalan ikan tahun ini dijangka kekal stabil pada 169,000 tan metrik berbanding keperluan sebanyak 125,000 tan metrik sebulan.

Menuturnya, sektor perikanan adalah antara sektor penting yang dibenarkan beroperasi tertakluk kepada pematuhan SOP yang telah ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi menjamin kelangsungan

rantaian perikanan serta peng- usaha yang terlibat.

“Sebarang sekatan terhadap pengoperasian sektor perikanan boleh menyebabkan sekuriti makanan negara terjejas, sekali gus meningkatkan ke- bergantungan import.

“Keadaan ini akan menjejaskan sumber ekonomi nelayan tempatan dan keseluruhan rantaian perikanan,” kata Ronald. - *Bernama*



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/7/2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	14

## 10 tan makanan tambahan haiwan dirampas



Sebanyak 10 tan kotak makanan tambahan haiwan dari Thailand cuba dibawa masuk ke Malaysia dirampas Maqis di ICQS Bukit Kayu Hitam, Khamis lepas.

**BUKIT KAYU HITAM** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas sebanyak 10 tan kotak makanan tambahan haiwan dari Thailand bernilai RM 377,487 dalam sebuah lori Khamis lepas.

Maqis Kedah dalam kenyataan memaklumkan penahanan lori kira-kira jam 5.15 petang itu dilakukan selepas pemeriksaan rutin di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam di sini.

Menurut kenyataan itu, pemeriksaan lanjut mendapati sebanyak 400 kotak makanan tambahan haiwan di dalam kenderaan tersebut.

“Kesemua barangan tidak mempunyai permit import yang sah daripada Maqis,” katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Kenyataan itu menambah, perbuatan mengimport tanpa suatu permit yang dikeluarkan oleh Maqis adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

“Jika sabit kesalahan, pengimport boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali di bawah Seksyen 11(3), akta yang sama,” katanya.

Kenyataan itu menegaskan, Akta Maqis diguna pakai bagi memastikan kawalan penyakit haiwan, ikan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan serta dapat mengawal kemungkinan penyakit berbahaya yang boleh mengancam industri pertanian negara.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/7/2021	HARIAN METRO	LOKAL	21

# Permintaan kambing, lembu korban terjejas

**Padang Besar:** Dengan Aidiladha yang bakal disambut esok, pembekal lembu dan kambing di Perlis bergelut untuk menyediakan bekalan lembu serta kambing kepada pelanggan bagi memastikan tiada berlakunya lambakan bekalan haiwan berkenaan pada musim perayaan ini.

Dengan keadaan penularan jangkitan pandemik Covid-19 yang belum menampakkan tanda untuk surut serta pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang menyebabkan ibadah korban perlu dijalankan dalam skala kecil serta perlu mendapatkan kebenaran pihak berkuasa termasuk Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri Perlis dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs).

Seorang pembekal lembu dan

kambing, Zulkifli Saad, 33 berkata, situasi penularan jangkitan Covid-19 yang melanda negara pada waktu ini ternyata menyebabkan pendapatannya terjejas.

“Dengan pelaksanaan PKP yang tidak membenarkan majlis kenduri serta ibadah korban dilakukan dalam keadaan terhad juga menjejaskan permintaan bekalan lembu dan kambing di kandang saya ini.

“Jika dilihat balik sebelum bermulanya pandemik Covid-19 ini serta pelaksanaan PKP di negara ini, permintaan terhadap lembu untuk dibuat kenduri akikah dan kenduri perkahwinan atau ibadah korban adalah sekitar 100 hingga 200 ekor,” katanya ketika

ditemui di kandang lembu dan kambing miliknya di Kampung Kubang Perun, Chuping di sini, semalam.

**Ibadah korban perlu dijalankan dalam skala kecil**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/7/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## MAFI serius kekang LSD



Abdullah (dua dari kiri) melakukan tinjauan di Stesen Maqis Rantau Panjang pada Ahad.

RANTAU PANJANG - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serius mengekang penularan wabak Lumpy Skin Disease (LSD) dari terus menjangkiti haiwan ruminan di negara ini dengan menghentikan import lembu dari Thailand.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, langkah agresif itu berhasil apabila berjaya mengekang

jangkitan tersebut.

"MAFI melalui Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) sentiasa mempertingkatkan kawalan di semua pintu masuk utama negara dengan penguat kuasa yang bertugas di sempadan," katanya kepada pemberita selepas membuat tinjauan di Stesen Maqis Rantau Panjang di sini pada Ahad.

Katanya, kerajaan turut memperketatkan lagi pergerakan haiwan ruminan dari satu negeri ke negeri lain dalam usaha membendung jangkitan tersebut.

Abdullah berkata, sehingga semalam sebanyak 169 ekor lembu di seluruh negara disahkan positif LSD.

"Jumlah positif ini hasil daripada pemeriksaan ke atas 12,757 premis di bawah seliaan MAFI seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Maqis," katanya.

Abdullah berkata, semua lembu positif itu akan lupuskan bagi memastikan wabak berkenaan tidak menular sekali gus menyelamatkan ternakan di Malaysia.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/7/2021	BERITA RTM	ONLINE	

## PENYAKIT LSD - MAFI JAMIN BEKALAN LEMBU SELAMAT





TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/7/2021	HARAKAH DAILY	ONLINE	

## MAFI ambil langkah elak ternakan dijangkiti LSD



**RANTAU PANJANG:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan memastikan tiada kemasukan lembu dari Kedah ke Kelantan dalam usaha mencegah penularan penyakit kulit kental atau Lumpy Skin Disease (LSD) yang menjangkiti haiwan ternakan.

Timbalan Menteri MAFI II, Dato' Che Abdullah Mat Nawi berkata, pihaknya telah menyedari perkara itu sejak awal dan telah mengambil langkah mengawal kemasukan bagi mencegah penyakit LSD.

“Saya difahamkan tidak ada lembu akan dibawa masuk dari Kedah ke Kelantan dan ini merupakan satu langkah bagi mengawal penyebaran penyakit LSD. Jadi peternak tidak perlu bimbang sebab pihak kerajaan telah ambil langkah awal bagi mengawal perkara ini.

“Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) sentiasa berwaspada dan peka terhadap isu penularan penyakit Lumpy Skin Disease (LSD) yang menjadi kegusaran penternak-penternak di dalam negara,” katanya kepada pemberita selepas selesai melakukan lawatan kerja di Stesen Kuarantin MAQIS Rantau Panjang, di sini hari ini.

Dalam perkembangan sama katanya, MAFI melalui MAQIS akan terus mempertingkatkan kawalan dan penguatkuasaan di sempadan khususnya di pintu masuk negara bagi memastikan keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak berbahaya yang boleh mengancam industri pertanian serta penternakan negara dapat dibendung serta dikawal.

“Pada bulan Mei yang lalu, MAQIS Kelantan turut mengesan dan mengesyaki terdapat 14 daripada 235 ekor lembu yang diimport dari Thailand mempunyai tanda-tanda penyakit LSD semasa dalam tempoh kuarantin.

“MAQIS juga telah membuat pemantauan rapi ke atas kesemua lembu-lembu tersebut dengan kerjasama pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) bagi mengawal serta mengelak penyakit tersebut merebak dan menjejaskan industri ternakan lembu khususnya di Kelantan,” katanya. –

**HARAKHDAILY 18/7/2021**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/7/2021	BERNAMA	ONLINE	

## MAFI waspada tangani jangkitan LSD ke atas lembu tempatan - Che Abdullah



RANTAU PANJANG, 18 Julai -- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa berwaspada dan peka terhadap isu penularan penyakit *Lumpy Skin Disease* (LSD) atau kulit kental/berbonjol yang menjadi kegusaran penternak-penternak lembu di dalam negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata kementerian melalui Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) sentiasa memantau dan memeriksa premis-premis di seluruh negara bagi mengesan ternakan lembu yang dijangkiti.

Beliau berkata sehingga semalam, sebanyak 12,757 premis telah diperiksa melibatkan 168,734 ekor lembu dan daripada jumlah itu, sebanyak 169 ekor lembu dari 101 premis positif LSD.

"Bagi Kelantan sahaja sebanyak 608 premis telah diperiksa melibatkan 6,092 ekor lembu dan didapati 14 ekor lembu disahkan positif," katanya kepada pemberita selepas melakukan lawatan kerja di Stesen Kuarantin MAQIS Rantau Panjang di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Che Abdullah berkata di Stesen Kuarantin MAQIS Rantau Panjang, terdapat 59 ekor lembu yang ditahan hasil usaha sama MAQIS bersama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Pasukan Gerakan Am (PGA) yang sentiasa komited dalam mengekang aktiviti penyeludupan di sepanjang sempadan negara.

Katanya, secara keseluruhannya lima daripada 59 ekor lembu yang ditahan tersebut disyaki terdapat tanda-tanda klinikal LSD.

"Pada Mei lepas, difahamkan MAQIS Kelantan turut mengesan dan mengesyaki terdapat 14 daripada 235 ekor lembu yang diimport dari Thailand mempunyai tanda-tanda penyakit LSD semasa dalam tempoh kuarantin.

"MAQIS juga telah membuat pemantauan rapi ke atas kesemua lembu tersebut dengan kerjasama pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi mengawal serta mengelak penyakit tersebut daripada terus merebak dan menjejaskan industri ternakan lembu khususnya di Kelantan," katanya.

Che Abdullah berkata MAFI melalui MAQIS akan terus mempertingkatkan kawalan dan penguatkuasaan di sempadan khususnya di pintu masuk negara bagi memastikan keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak berbahaya yang boleh mengancam industri pertanian serta penternakan negara dapat dibendung serta dikawal.

– BERNAMA



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/7/2021	BERNAMA	ONLINE	

## Bekalan lembu cukup untuk ibadah korban walaupun tiada import dari Thailand



Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1 Datuk Seri Ahmad Hamzah (kiri) menyampaikan bantuan makanan kepada seorang usahawan pasar tani pada program MAFI Prihatin di Japerun Rim.

JASIN, 17 Julai -- Bekalan ternakan lembu mencukupi bagi menampung permintaan umat Islam menjalankan ibadah korban sempena Hari Raya Aidiladha, Selasa ini biarpun kerajaan menghentikan pengimportan lembu dari Thailand.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1 Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata tindakan menghentikan import lembu dari Thailand itu dikuatkuasakan sejak awal bulan lepas, untuk mengekang penularan penyakit kulit kental berbonjol (LSD).

Katanya harga bagi bekalan lembu hidup juga masih terkawal iaitu di paras RM5,000 hingga RM5,500 seekor mengikut kos keseluruhan bagi ternakan haiwan ruminan itu.

"Kementerian menerusi Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) telah menjalankan pemeriksaan dan pemantauan di ladang-ladang seluruh negara dan umat Islam tidak perlu bimbang kerana haiwan ternakan untuk sembelihan sedia ada masih mencukupi.

"Walaupun pengeluaran daging lembu atau tahap sara diri (SSL) ketika ini sekitar 20 peratus tetapi kami banyak mengimport dari negara lain untuk keperluan kosmetik," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan MAFI Prihatin di Simpang Bekoh di sini hari ini.

Terdahulu beliau menyampaikan bantuan MAFI Prihatin melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) kepada 426 penerima di tujuh lokasi di Jasin hari ini.

Sementara itu, Ahmad berkata menerusi agihan pada program itu, sebanyak 1.5 metrik tan buah-buahan dan sayur-sayuran seperti pisang Sabah, terung, kobis bulat dan sayur sawi diberikan kepada penerima.

Katanya sehingga 15 Julai lepas pelaksanaan MAFI Prihatin melalui FAMA sahaja telah memberi manfaat kepada 23,977 orang yang terdiri daripada petugas barisan hadapan, badan kebajikan dan badan bukan kerajaan (NGO) di 104 lokasi seluruh negara membolehkan penyaluran makanan sebanyak 41.7 metrik tan.

"Sumbangan berbentuk hasil pertanian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan merupakan kesinambungan program ini yang merupakan inisiatif serampang dua mata di samping membantu petani memasarkan lebih hasil pertanian dan dalam masa sama dapat membantu meringankan beban rakyat yang terkesan akibat COVID-19," katanya.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/7/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	28

# Bangkai penyu agar ditemukan di Kuala Abang

**DUNGUN:** Bangkai seekor penyu agar jantan yang sudah reput ditemukan terdampar di Pantai Kuala Abang di sini semalam.

Pengarah Perikanan negeri, Ruzaidi Mamat berkata, bangkai reptilia marin berusia antara 20 hingga 30 tahun itu ditemu-

kan oleh orang awam kira-kira pukul 9 pagi.

"Kita dapati penyu malang itu dalam keadaan membengkak dengan usus perutnya terkeluar pada bahagian belakang badan."

"Bagaimanapun, tiada kesan kecederaan akibat perbuatan

khianat dikesan pada keseluruhan anggota badan dan kita percaya haiwan itu sudah mati kira-kira seminggu," katanya dalam kenyataan semalam.

Ruzaidi berkata, sehingga kini sebanyak 24 kematian penyu direkodkan di seluruh negeri, sejak Januari lalu.



**BANGKAI** penyu agar jantan yang dipercayai sudah mati sejak seminggu lalu dengan usus perutnya terkeluar di Pantai Kuala Abang di Dungun.



19/7/2021

SINAR

NEGERI

35

HARIAN

TERENGGANU

Maritim tahan dua bot nelayan asing Vietnam kerana menceroboh perairan negara

Oleh NOORHASPIIDA YATIM

**KUALA TERENGGANU**

**B**eberapa nelayan Vietnam terjun ke laut selepas bot yang dinaiki mereka secara haram dihampiri kapal Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia).

Pengarah Maritim Malaysia Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Suffi Moted Ramli berkata, anggota penguat kuasa bertindak pantas mengarahkan mereka naik ke atas kapal.

Beliau memberitahu, kejadian itu berlaku antara jam 9 hingga 10 pagi pada Sabtu ketika Kapal Maritim (KM) Gemina sedang melakukan Op Kuda Laut pada kedudukan 108 hingga 112 batu nautika dari Kuala Terengganu.

Susulan itu katanya, Maritim Terengganu menahan dua bot nelayan asing Vietnam bersama 13 kru termasuk tekong yang dipercayai menceroboh perairan negara.

"KM Gemina menerima maklumat daripada Pusat Operasi Maritim Terengganu (Pusop) yang mendapati nelayan tersebut dikesan sedang melakukan aktiviti penangkapan hasil laut di perairan negara tanpa kebenaran,"

# Nekad terjun laut elak ditahan



Seramai 13 kru nelayan Vietnam termasuk tekong dari dua buah bot ditahan anggota Kapal Maritim (KM) Gemina ketika melakukan Op Kuda Laut pada kedudukan 108 hingga 112 batu nautika dari Kuala Terengganu.

katanya dalam satu kenyataan di sini pada Ahad.

Menurut Muhammad Suffi, kesemua kru serta tekong berusia antara 22 hingga 41 tahun tidak memiliki sebarang dokumen, pengenalan diri yang sah ditahan selain merampas bekalan diesel dan peralatan menangkap ikan dianggarkan bernilai hampir RM5 juta.

Katanya, kesemua yang ditahan dibawa ke jeti Maritim Negeri Terengganu untuk stiasatan lanjut di bawah Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigrasi 1959/1963.

"Maritim Malaysia tidak akan ber-

kompromi dengan mana-mana pihak terutamanya nelayan asing yang mencaroboh perairan negara bagi mengaut hasil laut tanpa kebenaran yang mana akan merugikan negara.

"Rondaan dan pemantauan akan terus dipertingkatkan dari masa ke masa bagi mencegah sebarang aktiviti yang menyalaui undang-undang maritim," katanya.

Beliau berkata, sebarang maklumat dan salah laku dikesan berlaku di perairan negara boleh dilaporkan ke talian MERS 999 atau Pusat Operasi Terengganu di talian 09-6223657.

## Bangkai penyu ditemui di Pantai Kuala Abang

30 tahun itu dipercayai mati sejak se-minggu lalu.

"Penyu itu dipercayai mati kerana lemas akibat tersangkut pukat," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Beliau berkata, penemuan bangkai penyu tersebut menjadikan 24 kes kematian penyu dilaporkan tahun ini.



Kedua bangkai penyu yang hampir pupat dengan usus terbelah berhumprun Pantai Kuala Abang. Dengan pada Sabtu.



# Terjun laut elak ditahan

APMM tahan 2 bot, 13 nelayan warga Vietnam curi hasil laut bernilai RM3 juta

Oleh Zatul Iffah Zulkiply  
zatuliffah@hmetro.com.my

**Kuala Terengganu**

Beberapa nelayan warga Vietnam nekad terjun ke dalam laut bagi mengelak ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) selepas kegiatan mereka mencero-both dan mencuri hasil laut di perairan negara disedari pihak berkuasa, kelmarin.

Bagaimanapun, tindakan pantas anggota APMM mematahkan cubaan mereka sebelum 13 nelayan bersama dua bot ditahan ber-

sama rampasan bernilai RM3 juta.

Kedua-dua bot itu ditahan Kapal Maritim (KM) Gemia pada jarak antara 108 hingga 112 batu nautika dari Kuala Terengganu antara jam 9 hingga 10 pagi.

Pengarah Maritim Negeri Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Suffi Mohd Ramli berkata, KM Gemia yang melaksanakan Op Ku-

da Laut menerima maklumat daripada Pusat Operasi Maritim Terengganu (PU-SOP) berkaitan kehadiran bot mencurigakan di sekitar sempadan perairan negara. Beliau berkata, bot dipercayai nelayan Vietnam itu disyaki melakukan pe-

nangkapan hasil laut di perairan negara tanpa kebenaran sebelum KM Gemia bergerak ke lokasi untuk membuat pemantauan.

"Pemeriksaan mendapati terdapat dua bot Vietnam di lokasi berkenaan dan beberapa nelayan cuba melarikan diri de-

ngan terjun ke laut sebaik menyedari kehadiran anggota.

"Bagaimanapun, cubaan itu dipatahkan anggota KM Gemia yang menyelamatkan mereka naik ke atas kapal.

"Hasil pemeriksaan mendapati bot berkenaan dikenal 13 nelayan termasuk tekong berumur 22 hingga 41 tahun dan semua tidak memiliki sebarang doku-

men pengenalan diri sah.

"Kami turut merampas pelbagai hasil tangkapan laut, diesel dan peralatan ikan dianggarkan bernilai RM3 juta sebelum bot dan nelayan dibawa ke Jeti Maritim Terengganu untuk siasatan lanjut mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/1963," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

**Bot berkenaan dikendalikan 13 nelayan termasuk tekong**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/7/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	1

# RM195 juta hasil laut dirampas ketika pandemik

Oleh **NURAINA HANIS ABD. HALIM**  
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Pandemik Covid-19 yang terus melanda seluruh dunia tidak meredakan 'rampakan' hasil laut oleh nelayan asing dengan nilai rampasan direkodkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) hampir RM195.51 juta sepanjang tahun 2020 hingga Jun lalu.

Lebih malang, jenayah tersebut turut didalangi warga tempatan yang tergamak bersekongkol dengan nelayan asing sehingga membolehkan mereka terus menembusi perairan perikanan Malaysia.

Kegiatan itu mendatangkan kerugian besar kerana hasil laut negara mampu memberi pulangan tangkapan dianggarkan hampir dua juta tan metrik setahun untuk 80,000 nelayan di seluruh negara.

Kebanyakan nelayan asing yang ditahan pula memilih dikenakan hukuman penjara berbanding membayar denda, sekali gus memberi kesan kepada kesesakan di pusat-pusat tahanan.



## RM195 juta hasil laut dirampas dalam tempoh pandemik

Dari muka 1

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Datuk Mohd. Zubil Mat Som mendedahkan dalam tempoh 18 bulan itu, sebanyak 158 bot nelayan asing ditahan Maritim Malaysia di seluruh perairan negara.

Dalam tempoh sama, menurut beliau, agensi berkenaan menahan 1,524 kru bot iaitu melibatkan tekong, nelayan asing dan awak-awak.

Katanya, jumlah itu melibatkan seramai 965 orang untuk 2020 manakala bakinya sepanjang enam bulan pertama tahun ini.

"Berdasarkan siasatan, kita dapati terdapat warga tempatan bersekongkol dengan nelayan asing sehingga mereka mampu masuk ke perairan perikanan negara.

"Malah, sumber laut di beberapa negara nelayan asing yang diancam kepupusan turut menyebabkan mereka terdesak mencuri hasil laut negara. Pencerobohan juga kerana industri perikanan antara menjadi sumber ekonomi utama negara jiran seperti Vietnam," katanya di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Mohd. Zubil berkata, peruntukan akta dan undang-undang sedia ada berkaitan kesalahan tersebut dilihat tidak efektif.

Menurut beliau, ini kerana sehingga kini tiada denda dibayar oleh penceroboh malah sebilangannya memilih menjalani hukuman penjara.

Jelasnya, bot dan kapal asing yang menceroboh perairan negara boleh didakwa di bawah Akta Perikanan 1985 yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM6 juta bagi setiap pemilik bot dan denda RM600,000 bagi setiap anak kapal, jika disabitkan kesalahan.

"Jika tidak mampu membayar denda, pemilik bot boleh dipenjarakan selama setahun manakala anak kapal berhadapan dengan enam bulan penjara.

"Situasi ini merugikan negara menyebabkan kerajaan terpaksa menanggung kos kehidupan pesalah selama tempoh tahanan maksimum setahun," katanya.

Januari lalu, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainuddin mendedahkan, nilai kerugian negara berikutan hasil laut dicuri nelayan Vietnam pada tahun lalu sahaja dianggarkan kira-kira RM4 bilion.

Malah, menurut Hamzah, nelayan laut dalam di negara ini disaran mengurangkan pergantungan terhadap nelayan asing bagi mengatasi isu pencerobohan perairan negara.

Ujar beliau, pergantungan terhadap nelayan asing bagi kelas laut dalam amat tinggi sehingga 90 peratus terutama di Pantai Timur.



DATUK Mohd. Zubil Mat Som melihat empat buah bot nelayan Vietnam yang ditahan menerusi Op Kuda Laut ketika melakukan lawatan kerja di Ibu Pejabat APMM Terengganu pada April lalu. - UTUSAN/PUOTRA HAIIRY ROSLI

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/7/2021	BERNAMA	ONLINE	

## Rental waiver for traders at farmers' markets - FAMA



JASIN, July 17 – The Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) will provide rent exemption to farmers' market traders nationwide as farmers' markets are not allowed to operate during Phase One of the Movement Control under the National Recovery Plan (PPN).

Its director-general Datuk Zainal Abidin Yang Razalli said the initiative would benefit 13,181 agro-entrepreneurs in 312 locations in Malaysia in easing their burdens during this challenging period.

"However, for those in states under Phase Two of the PPN will be allowed to return to doing business with the usual rental rates.

"However, the site rent charged previously is also very low and affordable, between RM5 to RM7 at each location to pay the cost of permits and maintenance to the local authority," he told reporters here today.

Earlier, Zainal Abidin accompanied Deputy Agriculture and Food Industries Minister 1 Datuk Seri Ahmad Hamzah to present MAFI Prihatin assistance to people in the Jasin district.

Zainal Abidin said out of a total of 312 farmers' markets in the country, only 12 were allowed to operate after several states moved to Phase Two of the PPN.

Meanwhile, he said to ensure the continuity of the supply chain and food marketing, FAMA had also created 55 Controlled Fresh Markets (PST) involving 2,241 farmers nationwide.

He said the PST has enabled farmers to continue to generate income with a total of RM57.95 million in sales recorded from June 1 to July 15.

- BERNAMA



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/7/2021	BERNAMA	ONLINE	

## FAMA kecualikan sewa tapak pasar tani



Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1 Datuk Seri Ahmad Hamzah (kin) menyampaikan bantuan makanan kepada seorang usahawan pasar tani pada program MAFI Prihatin di Japerun Rim.

JASIN, 17 Julai -- Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan memberikan pelepasan pembayaran sewa tapak kepada usahawan pasar tani di seluruh negara susulan operasinya tidak dapat dijalankan semasa Fasa Satu Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Ketua Pengarah FAMA Datuk Zainal Abidin Yang Razalli berkata menerusi inisiatif itu ia akan memberi manfaat kepada seramai 13,181 usahawan tani di 312 lokasi di Malaysia bagi mengurangkan beban mereka dalam tempoh mencabar ketika ini.

"Bagaimanapun beberapa negeri yang berada di kategori Fasa Dua PPN, mereka akan dibenarkan kembali menjalankan perniagaan di pasar tani dengan kadar sewa seperti biasa.

"Namun sewa tapak yang dikenakan sebelum ini juga adalah sangat rendah dan berpatutan iaitu antara RM5 hingga RM7 di setiap lokasi bagi membayar kos permit dan penyelenggaraan kepada pihak berkuasa tempatan," katanya kepada pemberita di Rim di sini hari ini.

Terdahulu beliau mengiringi Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1 Datuk Seri Ahmad Hamzah menyampaikan bantuan MAFI Prihatin di sekitar daerah Jasin.

Zainal berkata daripada keseluruhan 312 tapak pasar tani di seluruh negara hanya 12 pasar tani yang dibenarkan beroperasi selepas negeri-negeri tertentu beralih ke Fasa Dua PPN.

Sementara itu katanya bagi memastikan kelangsungan rantai bekalan serta pemasaran makanan, FAMA juga telah mewujudkan 55 Pasar Segar Terkawal (PST) yang melibatkan 2,241 usahawan tani di seluruh negara.

Katanya kewujudan PST telah memberi ruang kepada usahawan tani untuk terus menjana pendapatan dengan sebanyak RM57.95 juta nilai jualan direkodkan sepanjang tempoh 1 Jun hingga 15 Julai lepas.

-- BERNAMA



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/7/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## FAMA keculikan sewa tapak pasar tani



JASIN - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan memberikan pelepasan pembayaran sewa tapak kepada usahawan pasar tani di seluruh negara susulan operasinya tidak dapat dijalankan semasa Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli berkata, menerusi inisiatif itu ia akan memberi manfaat kepada seramai 13,181 usahawan tani di 312 lokasi di Malaysia bagi mengurangkan beban mereka dalam

tempoh mencabar ketika ini.

"Bagaimanapun beberapa negeri yang berada di kategori Fasa 2 PPN, mereka akan dibenarkan kembali menjalankan perniagaan di pasar tani dengan kadar sewa seperti biasa.

"Namun sewa tapak yang dikenakan sebelum ini juga adalah sangat rendah dan berpatutan iaitu antara RM5 hingga RM7 di setiap lokasi bagi membayar kos permit dan penyelenggaraan kepada pihak berkuasa tempatan," katanya kepada pemberita di Rim di sini pada Sabtu.

Beliau sebelum itu mengiringi Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah menyampaikan bantuan MAFI Prihatin di sekitar daerah Jasin.

Zainal berkata, daripada keseluruhan 312 tapak pasar tani di seluruh negara hanya 12 pasar tani yang dibenarkan beroperasi selepas negeri-negeri tertentu beralih ke Fasa 2 PPN.

Sementara itu katanya, bagi memastikan kelangsungan rantai bekalan serta pemasaran makanan, FAMA juga telah mewujudkan 55 Pasar Segar Terkawal (PST) yang melibatkan 2,241 usahawan tani di seluruh negara.

Katanya, kewujudan PST telah memberi ruang kepada usahawan tani untuk terus menjana pendapatan dengan sebanyak RM57.95 juta nilai jualan direkodkan sepanjang tempoh 1 Jun hingga 15 Julai lepas. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/7/2021	SABAH MEDIA	ONLINE	

## Pasar Nelayan Kampung Pasir Putih Dinaiktaraf Sebagai 'One Stop Centre' Laksana Aktiviti Pemasaran Ikan



PUTATAN : Kerajaan melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan menaiktaraf pasar nelayan Kampung Pasir Putih yang akan dijadikan sebagai 'One Stop Centre' bagi menjalankan aktiviti pemasaran ikan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, LKIM telah memperuntukkan dana sebanyak RM450,000 bagi tujuan menaiktaraf pasar

berkenaan.

“Selain menjadi pusat sehenti, pasar nelayan ini juga akan menjalankan aktiviti pendaratan ikan dan agropelancongan kerana lokasi ini sangat strategik dan berpotensi untuk dimajukan bagi manfaat nelayan dan masyarakat setempat.

“LKIM juga telah memperuntukkan sebanyak RM4.32 juta bagi negeri Sabah setakat ini bagi tahun semasa untuk bantuan baik pulih rumah di bawah Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN),” katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan tinjauan ke Pasar Nelayan Kampung Pasir Putih Putatan disini pagi tadi.

Katanya, peruntukkan bagi negeri Sabah itu juga meliputi naiktaraf pasar nelayan dan pembinaan pusat pengumpulan dan pendedaran ikan serta pembinaan dan baik pulih jeti-jeti nelayan.

Hadir sama, Pengarah LKIM Negeri Sabah, Sundralingam A/L Nagaiah dan Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PKK) Kota Kinabalu Datuk Arsit Sedi.

Sementara itu, Dr Ronald berkata, pendaratan ikan di seluruh Sabah bagi enam bulan pertama tahun ini telah merekodkan sebanyak 107,000 tan metrik dengan nilai sebanyak RM643 juta.

Katanya, bagi rekod pendaratan ikan di Pasar Nelayan Kampung Pasir Putih, Putatan pula adalah sebanyak 7,000 tan metrik dengan nilai RM35,000 bagi tempoh yang sama.

“Meskipun sektor perikanan berdepan dengan pelbagai cabaran ketika ini, bekalan ikan adalah mencukupi dan stabil bagi memenuhi keperluan negara.

“Purata bulanan bekalan ikan untuk tahun ini dijangka kekal stabil iaitu pada 169,000 tan metrik berbanding dengan keperluan negara sebanyak 125,000 tan metrik sebulan,” katanya.

Terdahulu, pada majlis itu, Dr Ronald turut menyerahkan sumbangan bakul makanan kepada 100 orang ahli nelayan PNK Kota Kinabalu.

Katanya, bantuan itu adalah sebagai sebahagian sumbangan MAFI Prihatin menerusi LKIM bersama-sama PNK bagi mengurangkan beban para nelayan yang terkesan dengan pandemik COVID-19.

**“Kebajikan semua golongan sasaran termasuk nelayan serta jaminan rantaian bekalan makanan adalah keutamaan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sepanjang masa.**

**“Jabatan Perikanan Negara (DOF) dan LKIM akan terus memainkan peranan untuk memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi nelayan, membangunkan industri perikanan negara serta memastikan bekalan ikan negara mencukupi sepanjang masa,” katanya**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/7/2021	BERNAMA	ONLINE	

## PPN: MAFI keluarkan lebih 100,000 kebenaran bergerak jamin bekalan makanan



Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Seri Dr Ronald Kiang (tiga, kiri) menyampaikan bantuan beku makanan kepada 100 nelayan di Paser Nelayan Kampung Pasir Putih, Putatan hari ini.

PUTATAN, 18 Julai – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengeluarkan lebih 100,000 surat kebenaran bergerak kepada nelayan, petani dan penternak sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Kawalan Pergerakan di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Menterinya Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata langkah itu bagi menjamin bekalan makanan negara sentiasa mencukupi untuk rakyat, dan individu yang diberikan kebenaran di seluruh negara itu perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan bagi mengekang penularan COVID-19.

"Mereka yang diberi kebenaran ini, kita kategorikan sebagai sektor informal yang diberi kebenaran kepada MAFI untuk pengesahan pergerakan. Ini berbeza dengan sektor industri agromakanan yang (surat kebenaran) dikeluarkan oleh MITI (Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri).

"Sektor industri itu MITI, sektor informal bagi individu terlibat sebagai nelayan, petani dan penternak itu dikeluarkan oleh MAFI. Ini penting bagi memastikan bekalan makanan kita tidak terganggu sepanjang pandemik dan kawalan pergerakan," katanya kepada pemberita hari ini.

Terdahulu beliau melakukan tinjauan mesra di Pasar Nelayan Kampung Pasir Putih di sini dan menyampaikan bantuan bakul makanan kepada 100 nelayan di kawasan itu yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Terletak kira-kira 12 km dari Kota Kinabalu di pantai barat Sabah, Pasar Nelayan Kampung Pasir Putih mula beroperasi pada 2013 dan merupakan antara pasar nelayan yang aktif di Sabah dengan 20 hingga 35 bot nelayan mendaratkan serta menjual terus hasil tangkapan mereka.

Ronald turut mengumumkan peruntukan RM450,000 untuk menaik taraf pasar itu yang dicadang sebagai pusat sehati bagi pemasaran ikan, pendaratan dan agropelancongan kerana lokasinya yang strategik dan berpotensi dimajukan bagi manfaat nelayan dan masyarakat setempat.

Sementara itu, dalam kenyataan sempena program itu, beliau berkata bekalan ikan mencukupi dan stabil bagi memenuhi keperluan negara dengan purata bulanan bekalan ikan untuk tahun ini dijangka kekal stabil pada 169,000 tan metrik berbanding dengan keperluan sebanyak 125,000 tan metrik sebulan.

Katanya sektor perikanan adalah antara sektor penting yang dibenarkan beroperasi tertakluk kepada pematuhan SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi menjamin kelangsungan rantaian perikanan serta pengusaha yang terlibat.

"Sebarang sekatan terhadap pengoperasian sektor perikanan boleh menyebabkan sekuriti makanan negara terjejas sekali gus meningkatkan kebergantungan import, keadaan ini akan menjejaskan sumber ekonomi nelayan tempatan dan keseluruhan rantaian perikanan," katanya.

Dalam pada itu, katanya pendaratan ikan seluruh Sabah untuk enam bulan pertama tahun ini adalah 107,000 tan metrik dengan nilai RM643 juta, manakala untuk tempoh sama Pasar Nelayan Kampung Pasir Putih merekodkan pendaratan hasil sebanyak 7,000 tan metrik dengan nilai RM35,000.

-- BERNAMA



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/7/2021	SINAR HARIAN	NEGERI MELAKA	36

## MAFI sumbang 400 bakul makanan kepada pesawah

**JASIN** - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) pada Ahad menyerahkan sebanyak 400 bakul makanan kepada pesawah di sekitar Merlimau di bawah program MAFI Prihatin.

Bahagian Hal Ehwal Korporat Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)

dalam kenyataan pada Ahad maktumkan, sumbangan itu diberikan kepada 189 pesawah dan 11 ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Merlimau dan 200 ahli PPK Jasin membabitkan lokasi sawah Kampung Tedong, Tengah Padang, Sungai Rambai dan Projek Usahawan PPK Jasin.

Menurut kenyataan itu, sumbangan tersebut membabitkan keperluan asas seperti beras, minyak, tepung, gula dan susu.

Sementara itu, seramai 60 pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Semujuk akan menerima ayam mentah yang diberikan kepada pengusaha kantin universiti berkenaan untuk disajikan kepada pelajar terjejas dan masih tinggal di kampus kediaman.

Kenyataan itu menyebut penyampaian sumbangan bakul makanan berkenaan telah diadakan secara ringkas dan mengikut prosedur operasi standard yang

ditetapkan Majlis Keselamatan Negara.

ia diserahkan melalui LPP Melaka kepada Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah PPK Jasin, Ahmad Baharudin yang mewakili ahli-ahli peladang PPK Jasin; Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar UiTM Semujuk, Muhammad Sukayadi Salim; Ketua Pesawah Unit Peladang Tedong Darat, Muhd Suhaimi Muhd Suzaimi; Ketua Pesawah

Unit Peladang Tengah Padang, Sabidin Latip; dan Ketua Pesawah Unit Peladang Sungai Rambai (A) Sulaiman Bakron.

Hadir sama pada sesi penyerahan sumbangan ialah Ketua Pengarah LPP, Datuk Azulita Salim, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan LPP Norizah Muhamad dan Pengarah LPP Melaka Ahmad Fuad Zakaria. - *Bernama*



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/7/2021	KOSMO	NEGARA	14

## Jual sayur dari kedai ke kedai

**REMBAU** – Dua beradik yang mencari pendapatan dengan menjual hasil sayur kampung di Pasar Tani di sini terpaksa mencari ikhtiar lain dengan menjual dari kedai ke kedai demi memastikan mereka memperoleh jualan.

Zaiton Hashim, 66, berkata, hasil sayuran kampung berkenaan ada yang ditanam sendiri, ada yang dibeli dari penduduk lain dan ada juga yang dicari di tepi-tepi sungai seperti hasil rebung bagi menampung perbelanjaan mereka sekeluarga.

Menurutnya, sayur berkenaan kini dijual dari kedai ke kedai di sekitar daerah Rembau terutamanya di kawasan Pedas Dan Chembong.

“Hasil pun tidak seberapa kerana banyak kedai makan juga terjejas. Apa pun, kami tetap bersyukur kerana masih mampu mencari rezeki.

“Antara sayur kampung yang dijual ialah daun kesum, kangkung dan serai. Saya usahakan jualan ini bersama adik, Zawiyah Hashim yang tinggal bersebelahan rumah keluarga kami,” katanya ketika ditemui selepas menerima kunjungan Persatuan Anak-anak Rembau (PAAR) di Kampung Sungai Batu Pedas di sini, baru-baru ini.

Sementara itu, Pengasas PAAR, Zaiton Othman berkata,



**ANTARA** hasil daun kesum yang dlusahakan Zaiton dan adiknya.

pihaknya mendapat maklumat mengenai kekangan sumber pendapatan keluarga tersebut apabila membaca mesej berisi butiran peribadi keluarga yang memohon bantuan makanan keperluan harian melalui food bank yang disediakan oleh PAAR di Batu Nunggul.

“Kami sepakat menyampaikan bantuan makanan harian serta barangan basah, selain keperluan susu. Kami harap individu berkemampuan boleh membeli hasil kampung yang dijual oleh dua beradik ini bagi membantu mereka,” katanya.